BERITA HARIAN
01 FEBRUARI 2018



Siti Maryam (tengah) melawat ruang pameran.

**info**

**Program Singgah Seni 4.0**

→ **Berlangsung** selama enam hari

# Pamer 600 karya pelajar UniSZA di Singgah Seni 4.0

**Oleh Nor Azma Laila**
norazma@bh.com.my

▸ **Kuala Lumpur**

Sebanyak 600 karya seni pelajar daripada peringkat diploma dan ijazah sarjana muda dipamerkan dalam Program Singgah Seni 4.0 anjuran pelajar Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), bertempat di kampus universiti itu di Terengganu, baru-baru ini.

Program yang dianjurkan sebagai sebahagian daripada proses penilaian markah turut menampilkan bakat pelajar melalui karya dihasilkan mengikut tema yang diberikan.

Penasihat Program, Prof Madya Dr Abdullah Sani Kamaluddin, berkata objektif utama program berkenaan adalah untuk mempamerkan hasil kerja dan kreativiti pelajar kepada orang ramai, masyarakat kampus dan pelajar sekolah.

"Seramai 64 pelajar ijazah sarjana muda semester satu terbabit untuk mempamerkan hasil lukisan yang dinilai oleh saya sendiri sebagai projek akhir mereka.

"Pelajar ijazah sarjana muda semester tiga pula mempamerkan hasil fotografi mereka, manakala pelajar diploma semester dua mempamerkan hasil teknik lukisan mengikut tema yang ditetapkan," katanya yang juga pensyarah bagi subjek berkenaan.

## Mempamerkan hasil seni

Majlis perasmian program berkenaan disempurnakan Timbalan Dekan FRIT, Dr Siti Maryam Sharun.

Seramai 155 pelajar FRIT, UniSZA mempamerkan hasil seni masing-masing pada program berkenaan yang dihasilkan daripada pelbagai medium berdasarkan jurusan pengajian yang diambil antaranya lukisan; arca, arca seramik dan foto.

Sementara itu, Pengarah Program, Muhammad Afif Danish Mohd Adha, berkata pelajar diberi masa dari awal hingga akhir semester bagi memastikan projek akhir itu disiapkan sepenuhnya.

"Pelajar bermula dengan membentangkan idea, membuat lakaran dan melakukan karya cubaan, seterusnya menghasilkan karya sebenar yang semuanya mengambil masa lebih kurang empat minggu.

"Kami juga dikehendaki menghasilkan karya mengikut tema yang diberikan supaya dapat meneroka kreativiti diri mengikut identiti masing-masing," katanya.